

LATIH TUBI 6 : SISTEM BAHASA

Disediakan oleh Cikgu Arbee Rose

TEMA : MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA DAN AMALAN KEPERCAYAAN

PRAKTIS 1

Nyatakan jenis-jenis frasa di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN).

1. Sebahagian besar daripada masyarakat India telah dibawa masuk oleh penjajah British.
2. Penghijrahan masyarakat India ke Malaysia berlaku secara besar-besaran pada awal abad ke-18.
3. Hampir 80 peratus masyarakat India menganut agama Hindu.
4. Tamil, Telegu, Malayalee, Punjabi dan Benggali ialah pecahan bangsa kaum India.
5. Kaum India ialah kaum ketiga terbesar di negara kita.

PRAKTIS 2 :

Nyatakan jenis-jenis frasa di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN).

1. Masyarakat Cina menganut berbagai-bagai aliran agama dan kepercayaan.
2. Buddha, Taosime, dan Confucianisme ialah agama dan kepercayaan masyarakat Cina.
3. Masyarakat Cina lazimnya merayakan sambutan perayaan Bulan Hantu pada bulan Ogos hingga September.

4. Amalan kepercayaan kaum Cina memperlihatkan perbezaan yang ketara antara satu sama lain disebabkan oleh keturunan, latar belakang sosial, dialek dan suku kaum yang berlainan.

5. Perayaan Kuih Bulan ialah salah satu perayaan yang diamalkan oleh masyarakat Cina sejak 3000 tahun yang lalu.

PRAKTIS 3 :

Nyatakan jenis-jenis frasa di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN).

1. Alam barzakh ialah pemisah antara dunia dan akhirat.

2. Munkar dan Nakir bertugas menyoal orang yang sudah mati di dalam kubur.

3. Mengambil nyawa manusia dan makhluk hidup yang lain ialah tugas malaikat yang bernama Izrail.

4. Semua ahli keluarga Pak Ramli ke kubur untuk mengebumikan jenazah datuknya yang telah meninggal dunia akibat Covid 19.

5. Orang Islam percaya akan Allah, para rasul dan nabi dan perkara-perkara ghaib.

